



# Usia janin boleh kesan anak sindrom down

Imbasan, ujian kromosom kenal pasti sebarang ketidaksempurnaan bayi

MIS 28

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

Setiap pasangan suami isteri mengimpikan cahaya mata yang bakal dilahirkan sempurna fizikal dan mental.

Malangnya tidak semua yang diimpikan itu menjadi kenyataan apabila bayi dilahirkan dengan pelbagai kecacatan yang menyayat hati seperti barah mulut dan ketumbuhan bahagian muka serta kepala membesar.

Bagaimanapun, ibu bapa hari ini boleh merancang kelahiran bayi yang sempurna menerusi kecanggihan teknologi imbasan imej dalam kandungan atau ultra bunyi.

Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Prof Dr Jamiyah Hassan, berkata menerusi imba-

pada ibu bapa mengenainya," katanya.


Beliau berkata, sekiranya bayi didapati mengalami kecacatan yang berpeluang rendah untuk hidup atau 'non compatible with life', keputusan sama ada menamatkan atau menggugurkan kandungan atau meneruskan kehamilan bergantung kepada ibu bapa sepenuhnya.

### **Pakar nasihat, ibu bapa buat keputusan**

Pakar hanya boleh memberikan nasihat berdasarkan perubatan dan tidak akan mempengaruhi ibu bapa dalam membuat sebarang keputusan.

Pengguguran di negara ini termaktub dalam Seksyen 312 dan 313 Kanun Keseksaan, membolehkan dalam bidang perubatan, janin digugurkan sekiranya bayi tidak dapat dis-

BERITA HARIAN 12/08/2019



kini sudah boleh diperbetulkan dalam tempoh beberapa bulan selepas dilahirkan dengan sedikit parut," katanya.

Sementara itu, Pakar Obstetrik dan Ginekologi PPUM, Dr Sofiah Sulaiman, berkata kecacatan struktur bayi boleh dikesan menerusi imbasan terutama tulang belakang tidak tertutup sepenuhnya atau spina bifida dan kecacatan otak.

menjalankan ujian berkenaan dan ibu bapa berhak menolak sekiranya enggan melakukannya.

Sekiranya terdapat ketumbuhan atau sel tumor yang besar, ia boleh dilihat tetapi kadangkala ia terlalu kecil dan sukar dilihat ketika diimbas pertama kali.

Imbasan yang dibuat berikutnya, semasa usia kandungan lebih besar iaitu kebiasaannya pada 32-34 minggu, mungkin dapat menge-



## Ibu mengandung digalakkan menjalani ujian pada usia kandungan antara 18 sehingga 23 minggu bagi melihat perkembangan bayi”

**Dr Jamiyah Hassan,**  
Pakar Perunding Obstetrik dan  
Ginekologi PPUM

...siti, berkata menerusi imbasan berkenaan, pakar boleh melihat sebarang kelainan pada perkembangan struktur bayi dan bekerjasama dengan pakar pembedahan lain mengenai rawatan diperlukan selepas bayi dilahirkan.

“Ibu mengandung digalakkan menjalani ujian pada usia kandungan antara 18 sehingga 23 minggu bagi melihat perkembangan bayi.

“Pakar Fetomaternal selalunya cuba mengesan masalah sebelum kelahiran atau membuat ujian sebelum bersalin dan memberikan nasihat ke-

alamatkan selepas dilahirkan atau mengancam nyawa ibu.

Faktor lain adalah usia kandungan yang hendak digugurkan belum mencapai usia 22 minggu.

Dr Jamiyah berkata, penguguran adalah kaedah terakhir dilakukan tetapi teknologi perubatan terutama dalam pembedahan sudah berkembang maju sejak 20 tahun lalu, membolehkan bayi yang dilahirkan dengan kecacatan fizikal boleh dipulihkan.

“Sekiranya ibu bapa membuat keputusan meneruskan kandungan, tidak menjadi masalah kerana kita memiliki pakar kanak-kanak termasuk pembedahan plastik yang boleh memperbetulkan kecacatan dialami bayi.

“Sebagai contoh, bayi yang lahir dengan sumbing bibir,

### **Kesan ketubuhan**

“Masalah sindrom down adalah salah satu contoh yang sukar dikesan melalui imbasan sahaja kerana ia melibatkan masalah kromosom.

“Sekiranya semasa imbasan didapati tanda kecil sindrom down (soft markers) seperti tiada tulang hidung, jari kelingking bengkok, tulang paha dan lengan yang sedikit pendek atau usus tidak bersambung, akan disarankan membuat ujian kromosom,” katanya.

Ujian kromosom boleh dibuat melalui air ketuban atau uri yang dilakukan dengan memasukkan jarum ke dalam rahim tetapi kaedah ini berisiko menyebabkan keguguran atau air ketuban pecah selain kos yang tinggi.

Katanya, pakar akan berbingung dengan pesakit sebelum


yang ketubuhan yang pada asalnya kecil.

Tumor biasanya dikesan apabila ibu dirujuk kepada pakar kerana didapati air ketuban banyak dan rahim kelihatan lebih besar berbanding saiz biasa. Biopsi tidak boleh dijalankan ketika bayi di dalam kandungan kerana risiko tinggi.

Kesimpulannya, ibu bapa dinasihatkan jangan mudah berputus asa sekiranya bayi dikesan mengalami kecacatan kerana teknologi kini membolehkan masalah diatasi dengan syarat perlu berjumpa doktor sebelum melahirkan bayi.

Persediaan awal boleh dirancang bersama pakar terbabit untuk merawat bayi termasuk melakukan pembedahan yang diperlukan.

Ibu bapa jangan berputus asa jika bayi dikesan mengalami kecacatan.



## **Info**

### **Faktor kecacatan bayi**

- **Genetik**
- **Kromosom**
- **Pencemaran alam sekitar (asap rokok, asap kenderaan dan sebagainya)**

### **Pencegahan**

- **Makan asid folik tiga bulan sebelum hamil dan sepanjang kehamilan.**
- **Melakukan pemeriksaan berkala ketika hamil.**
- **Menjalani hidup sihat.**